

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN
(KELANA JAYA)**

**TARIKH : 27.11.2014
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan lokasi baru pangkalan-pangkalan Tentera Udara Di Raja Malaysia (TUDM) selepas penjualan tanah pangkalan-pangkalan TUDM di Sungai Besi, Butterworth dan Kinrara. Jelaskan implikasi terhadap strategi pertahanan negara akibat penempatan semula ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perpindahan Pangkalan Udara (PU) Kuala Lumpur dan Kinrara ke Sendayan bertujuan bagi pemusatan semua sekolah latihan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) yang mana akan melahirkan warga TUDM yang berketrampilan serta memberi kemudahan infrastruktur yang lebih baik dan meningkatkan kualiti hidup warga TUDM. Perpindahan PU Butterworth masih lagi dalam peringkat kajian lanjutan oleh Kementerian Pertahanan.